

**INTERAKSI ANTARA KDNK, KLCI, DAGANGAN
ANTARABANGSA DAN RIZAB NEGARA**

SALMI BINTI OTHMAN

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

PENAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4999 A/ B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah jelaskan rujukannya.

Tarikh 27/04/09


SALMI BINTI OTHMAN
UK14185

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4999 A/ B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date 27/04/09


SALMI BINTI OTHMAN
UK 14185

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan segala limpah kurniaNya akhirnya dapat saya menyiapkan laporan kajian ini dengan jayanya. Memandangkan laporan kajian ini merupakan satu keperluan sebagai syarat bergraduat, maka memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tinggi bagi memenuhi keperluan program ini.

Ucapan sekalung penghargaan ini ditujukan khas kepada penyelia saya iaitu **Encik Muhammad Najit bin Sukemi** yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam memberi tunjuk ajar, nasihat dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekonomi yang membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Sesungguhnya, segala nasihat dan tunjuk ajar kalian akan saya jadikan panduan pada masa akan hadapan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak perpustakaan Bank Negara, dan Bursa Saham Malaysia kerana memberi kerjasama dan membantu dalam pencarian data.

Teristimewa buat kedua ibu bapa saya Encik Othman bin Daud dan Puan Yang binti Ismail kerana berkat dorongan dan doa mereka akhirnya saya berjaya dalam kajian yang saya lakukan. Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang dikasihi kerana saling membantu, memberi sokongan dan bersama-sama berusaha menghasilkan Projek Ilmiah Tahun Akhir. Segala sokongan kalian akan dikenang buat selama-lamanya.

Salmi Binti Othman,
NO.25 kampung Batu Papan,
28200 Bandar Bera,
Pahang Darul Makmur
Email : mimiey86_mizz@yahoo.com

ABSTRAK

Kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia terutamanya krisis kewangan Amerika Syarikat menunjukkan kepentingan memahami faktor-faktor atau indikator-indikator yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Negara. Kajian ini akan membincangkan analisis empirikal berkaitan interaksi antara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Kuala Lumpur Indeks Komposit (KLCI), dagangan antarabangsa dan rizab negara. Ia penting untuk dilaksanakan bagi menjelaskan bagaimana perubahan indikator-indikator ini berlaku dan kesannya ke atas pertumbuhan ekonomi Negara bagi melihat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah menggunakan analisis ekonometrik bagi menentukan dinamik jangka panjang. Keputusan menunjukkan semua pembolehubah-pembolehubah kajian mempunyai hubungan yang positif dengan pertumbuhan ekonomi kecuali import bagi tempoh jangka masa panjang. Keputusan ujian kestabilan menunjukkan bahawa masalah yang wujud dalam kajian ini adalah disebabkan oleh data siri masa kerap mengalami masalah kitaran ekonomi. Kajian ini mendapati bahawa peranan pihak kerajaan adalah penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi adalah selaras dengan kemajuan Negara.

Kata Kunci : KDNK, KLCI, Dagangan Antarabangsa dan Rizab Negara

ABSTRACT

As a result of world economic recession especially United States financial crisis show importance of understanding about factors or indicators which influenced Malaysian economic growth. This study discuss empirical analysis related interaction between Gross Domestic Product (GDP), Kuala Lumpur Composite Index (KLCI), international trading and country reserve. It important to be exercised to explain how changed this indicators happened and its impact on Malaysian economic growth to look relationship between variables use analysis econometric to determine dynamic long-term. Results show that variables have positive relationship with economic growth except import of long term period. Stability test results show that problem in this study is because of serial time data often experienced economic problem cycle. This study find that role of government would be important in ensuring economic growth is consistent with Malaysian economic progress.

Key Word: GDP, KLCI, International trade and Country Reserve

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI ILUSTRASI	vi
SENARAI SIMBOL	vi
BAB I PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pemasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Metodologi Kajian	5
1.7 Organisasi Kajian	6
BAB II ULASAN KARYA	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Latar Belakang Kajian	8
2.2.1 Bursa Saham Malaysia	9
2.2.1.1 Siri Indeks Bursa Saham	11
2.2.1.2 Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI)	12
2.2.2 Dagangan Antarabangsa	14
2.2.2.1 Eksport	16
2.2.2.2 Import	18
2.2.2.3 Lebihan Dagangan	19
2.2.3 Rizab Negara	19
2.3 Sorotan Kajian Lepas	21

BAB III	METODOLOGI	
3.1	Pendahuluan	26
3.2	Data dan Set Model Kajian	26
3.3	Teori dan Spesifikasi Kajian	27
3.3.1	Korelasi	28
3.3.2	Integrasi	28
a)	Ujian Punca Unit	28
b)	Ujian Ko-integrasi Johansen	31
c)	Ujian Penyebab Granger	33
3.4	Definisi Pembolehubah	35
3.5	Kesimpulan	36
BAB IV	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	
4.1	Pendahuluan	37
4.2	Analisis Keputusan Regresi Mudah	38
4.3	Analisis Keputusan Ujian Punca Unit	39
4.4	Ujian Kointegrasi	40
4.5	Analisis Keputusan ECM	42
4.5.1	ECM Jangka Panjang	42
4.5.2	ECM Jangka Pendek	43
4.6	Ujian Kestabilan Model	44
4.7	Ujian Recurqire	46
4.8	Kesimpulan	47
BAB V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	48
5.2	Rumusan Hasil Kajian	49
5.3	Cadangan dan Implikasi Dasar	50
5.4	Kesimpulan	53
RUJUKAN		54
LAMPIRAN		56

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 2.1	Dagangan Antarabangsa	15
Jadual 4.1	Keputusan Ujian punca Unit	40
Jadual 4.2	Hasil Keputusan Ujian Kointegrasi pembolehkan Berbilang Johansen	41
Jadual 4.3	ECM jangka panjang	42

SENARAI ILUSTRASI

Rajah 1	Penunjuk Bursa Saham	10
Rajah 2	Prestasi KLCI	13
Rajah 3	Rizab Antarabangsa Malaysia	20
Rajah 4	Cusum dan Cusum Square	46

SENARAI SIMBOL

KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
FDI	Pelaburan Langsung Asing
KLCI	Kuala Lumpur Indeks Komposit
IKKL	Indeks Komposit Kuala Lumpur
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
ECM	Error Correction Model
OLS	Penganggar Kuasa Dua Terkecil
ADf	Augmented Dickey-Fuller

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Prestasi ekonomi yang kukuh telah menggiatkan lagi perubahan struktur ekonomi dan meneguhkan asas ekonomi makro Negara. Dalam tempoh akhir rancangan Malaysia kesembilan (RMK9) 2008-2010, strategi ekonomi makro akan memberi tumpuan kepada usaha menangani inflasi, meningkatkan daya saing dan merangsang sektor pertumbuhan baru. Sektor swasta berperanan untuk menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Kerajaan pula akan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan tempatan asing.

Pertumbuhan ekonomi Negara berkembang melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.1% setahun melebihi sasaran Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 6.0% yang disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, terutamanya perbelanjaan sektor swasta.

Selain itu juga, pertumbuhan ekonomi Negara turut diperkukuhkan dengan lebih akaun semasa yang cukup untuk membiayai aliran keluar dalam akaun kewangan di mana rizab antarabangsa bersih menunjukkan pertambahan di mana pada 31 Disember 2006, rizab antarabangsa bersih meningkat daripada RM25.3 bilion kepada RM290.4 bilion yang menunjukkan hasil aliran dua hala ketara yang mencerminkan aktiviti ekonomi yang lebih memberangsangkan dan asas ekonomi Malaysia yang kukuh.

Pertumbuhan ekonomi Negara juga diperkukuhkan oleh pertumbuhan pelaburan swasta yang menunjukkan peningkatan pada kadar 8.6 peratus setahun. Aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) juga meningkat sebanyak 39.3 peratus setahun kepada RM29.1 bilion pada 2007 di mana ia membayangkan pertumbuhan dalam ekonomi Negara. Pelaburan awam turut meningkat sebanyak 8.9 peratus setahun berikutan pelaksanaan pesat projek pembangunan RMK-9.

KLCI singkatan untuk Kuala Lumpur Komposit Index. KLCI adalah berdasar kepada 100 buah syarikat yang terpilih daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Dalam realiti sebenar adalah sukar bagi sesebuah syarikat untuk tersenarai dalam KLCI. Hal ini kerana KLCI mewakili prestasi pasaran saham dan menjadi satu penanda aras dalam menentukan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Tren dan paras KLCI pada hari ini adalah jauh di bawah purata 863.61 mata manakala jangkamasa pendek 30 hari adalah pada 950 mata. Petunjuk KLCI menunjukkan bahawa tren tersebut adalah kukuh dan jika KLCI pergi lebih rendah daripada 801 mata, ia boleh mendapat tahap sokongan lain pada 600 mata.

Bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara, dagangan antarabangsa juga perlu ditingkatkan dan pada masa yang sama kita perlu tingkatkan aktiviti ekonomi dalam negeri supaya dapat menyumbang lebih banyak kepada peningkatan KDNK. Ini dapat ditunjukkan melalui jumlah perdagangan Malaysia bagi empat bulan pertama tahun ini berkembang sebanyak 10.3 peratus kepada RM376.9 bilion berbanding RM341.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

1.2 PERSOALAN KAJIAN / PEMASALAHAN KAJIAN

Pada pertengahan tahun 1997, ekonomi Negara telah terjejas teruk akibat krisis kewangan yang melanda rantau ini. Akibatnya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar telah menguncup sebanyak 6.7% dalam tahun 1998. Selain Malaysia, ekonomi Negara-negara serantau yang turut mengalami kesan negatif akibat krisis kewangan seperti Indonesia, Thailand, dan Korea. Negara-negara ini juga terpaksa bergantung kepada pakej bantuan kewangan Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) bagi menangani kesan krisis kewangan ini. Keadaan ini sedikit berbeza di Malaysia di mana ekonomi Malaysia lebih berdaya tahan kesan kekukuhan tabungan dan mengelakkan negara daripada meminta bantuan kewangan IMF yang mempunyai syarat yang ketat dan mengakibatkan kesan yang buruk kepada sosio-ekonomi terutamanya pada peringkat awal. Melalui pelaksanaan langkah-langkah tersendiri dan dikritik oleh banyak pihak, ekonomi Negara berjaya mengalami pemulihan yang memberangsangkan. Pertumbuhan ekonomi Negara bukan sahaja dilihat melalui sudut pengembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sahaja malahan terdapat beberapa petunjuk utama lain yang jelas mencerminkan bahawa ekonomi Negara semakin bertambah kukuh.

Sesetengah pihak berpendapat, pertumbuhan ekonomi Negara dapat dilihat melalui kekukuhan pasaran saham. Menurut Anthony Dass, ketua penyelidik Inter Pacific Research Sdn Bhd, “dengan mudah tunai yang tinggi dan pemodal pasaran atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang bertambah baik, akan meningkatkan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) secara beransur-ansur.

Menurut Baljeet Kaur Grewal, berdasarkan kekukuhan fundamental syarikat-syarikat tempatan, pengekalun unjuran penanda aras pasaran IKKL akan mencecah 1,500 mata menjelang hujung tahun ini. Perkembangan positif ekonomi dan fundamental syarikat-syarikat ini adalah sejajar dengan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) di mana pertumbuhan tinggi keuntungan syarikat iaitu pada purata 13 peratus dan pengukuhan nilai ringgit.

Pertumbuhan ekonomi Negara juga dapat dilihat daripada peningkatan jumlah nilai dagangan antarabangsa bersih di mana nilai eksport melebihi nilai import. Lebih dagangan akan terus kukuh jika akaun semasa meningkat positif hasil daripada lebih akaun perdagangan yang kukuh dan akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan yang bertambah baik. Peningkatan nilai eksport kasar mencerminkan pertumbuhan eksport komoditi utama yang terus kukuh dan pengembangan yang mampan. Peningkatan nilai import kasar pula mencerminkan kebergantungan kepada keluaran negara asing serta perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam negeri yang kukuh. Defisit akaun perkhidmatan bertambah baik ekoran perolehan sektor pelancongan yang lebih tinggi dan juga oleh peningkatan dalam komisen yang diperoleh melalui aktiviti perdagangan antarabangsa. Di samping itu juga, rizab Negara yang bertambah hasil pengurusan ekonomi yang kukuh dan stabil menjana kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

Sehubungan dengan itu, wujud persoalan apakah interaksi di antara KDNK, KLCI, Dagangan Antarabangsa dan rizab Negara dalam pembangunan Negara. Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba menganalisis dengan mendalam interaksi di antara KDNK, KLCI, Dagangan Antarabangsa dan rizab Negara dalam mempengaruhi pembangunan Negara.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Umum:

Melihat interaksi hubungan antara KDNK, KLCI, dagangan antarabangsa dan rizab Negara.

Objektif Khusus:

- 1) Menilai pengaruh turun naik KLCI terhadap KDNK Negara.
- 2) Mengenalpasti peningkatan jumlah dagangan antarabangsa yang kukuh kepada pertumbuhan KDNK.
- 3) Mengkaji pengaruh rizab Negara terhadap pertumbuhan KDNK.

1.4 SKOP KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Negara, ia meliputi faktor seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), nilai dagangan antarabangsa dan rizab Negara. Ia merangkumi pertumbuhan ekonomi Malaysia di mana data yang digunakan merupakan data sekunder di mana sumber data adalah daripada Jabatan Perangkaan, Bursa Malaysia, dan Bank Negara Malaysia. Data yang diperolehi adalah bagi tempoh 22 tahun mulai tahun 1986 sehingga 2007. Kajian kes adalah di Malaysia.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian menunjukkan hubungan antara KDNK, Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), nilai dagangan antarabangsa dan rizab Negara. Berdasarkan kepada objektif kajian, KDNK akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Negara. Peningkatan dalam KDNK telah memberi kesan kepada peningkatan dalam KLCI di mana keadaan yang kukuh akan menarik lebih ramai pelabur untuk melabur dalam bursa saham. Pertumbuhan ekonomi juga boleh dilihat dari segi jumlah nilai dagangan yang kukuh iaitu mempunyai lebih dagangan yang tinggi di mana menunjukkan pertumbuhan dalam ekonomi Negara. Selain itu juga jumlah rizab Negara juga boleh menunjukkan pertumbuhan ekonomi iaitu melalui pengurangan defisit Negara dan jumlah rizab luar Negara yang tinggi.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, data yang digunakan ialah data tahunan (time series data) bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport, import, lebihan dagangan, Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan rizab Negara. Data ini akan dianalisis menggunakan program perisian Econometric View (E-View) untuk melihat hasil penganggaran.

$$\text{KDNK}_i = \beta_0 + \beta_1\text{KLCI} + \beta_2\text{EKS} + \beta_3\text{IM} + \beta_4\text{RZB}$$

Di mana:

KDNK = Keluaran Dalam Negara Kasar

KLCI = Indeks Komposit Kuala Lumpur

EKS = Eksport Negara

IMP = Import Negara

RZB = Rizab Negara

Bagi mencapai objektif kajian, beberapa ujian akan dilaksanakan meliputi ujian unit root yang akan digunakan untuk mengetahui kepegunan data. Diikuti dengan ujian kointegrasi Johansen dan seterusnya ujian penyebab Granger. Hasil yang diperolehi daripada ujian-ujian tersebut akan dipamerkan melalui rajah dan jadual dan akan membuktikan adakah mencapai objektif kajian yang dilakukan atau tidak.

1.7 ORGANISASI KAJIAN

Penulisan kertas projek ilmiah ini akan diorganisasikan kepada 5 bab utama iaitu bab I pengenalan, bab II latar belakang kajian dan kajian lepas, bab III metodologi kajian, bab IV keputusan kajian dan akhir sekali bab V iaitu kesimpulan.

Bab I merangkumi beberapa sub tajuk iaitu pendahuluan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan organisasi kajian. Bab ini akan menerangkan tentang apa yang hendak dikaji dan tujuan utama kajian ini dilaksanakan.

Bab II merujuk kepada penerangan latar belakang kajian. Di dalam bab ini, pengumpulan kajian lepas oleh pengkaji-pengkaji terdahulu daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendekiawan serta pakar ekonomi dibincangkan bagi membantu kajian yang dijalankan. Antara bentuk sumber-sumber sekunder termasuklah jurnal, dokumen kerajaan, risalah dan sebagainya.

Bab III pengkaji akan membincangkan secara terperinci dan lebih mendalam mengenai metodologi kajian dan analisis-analisis yang dilaksanakan bagi membuktikan dapatan kajian tersebut. Ia meliputi kaedah-kaedah dan ujian-ujian yang akan dilakukan. Kaedah yang digunapakai ialah analisis ekonometrik menggunakan Perisian Pakej E-View. Disamping itu, ia membincangkan model-model yang dibina bagi membuktikan sama ada pembolehubah-pembolehubah bebas dapat mempengaruhi atau tidak pembolehubah bersandar terhadap kajian yang ingin dilakukan. Melalui kaedah ini, satu model kajian akan terbentuk dan model ini akan digunakan untuk membuat hipotesis kajian.

Bagi bab IV pula akan membincangkan lebih mendalam keputusan kajian secara terperinci. Setiap keputusan akan dibuktikan kesahihan dan kesahannya. Beberapa inteprestasi hasil daripada keputusan yang diperolehi akan diutarakan dalam bab ini.

Bab V merupakan bab terakhir yang mana hasil kajian akan dirumuskan. Dalam bab ini juga membincangkan berkaitan polisi dan saranan atau cadangan terhadap kajian dilakukan.

BAB II

ULASAN KARYA

2.1 PENGENALAN

Bab ini adalah berkaitan dengan dokumen atau karya yang mengulas secara menyeluruh kerja-kerja terdahulu yang telah diterbitkan dan berkaitan dengan bidang yang diselidiki. Kajian ini penting bagi menyokong dan membantu untuk mengukuhkan lagi kajian yang dilaksanakan. Di samping itu, ulasan karya merupakan kemudahan gabungan kreatif antara maklumat yang diperolehi dalam temuduga berstruktur dan tidak berstruktur dalam kajian terdahulu. Ia juga akan memberi asas yang baik dalam membina rangka kerja penyelidikan.

2.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kedudukan ekonomi sesebuah Negara yang kukuh dan stabil boleh dilihat dari sudut prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI). Selain itu juga, kedudukan ekonomi Negara boleh dinilai dari segi jumlah rizab Negara. Seterusnya, ekonomi Negara juga dilihat dari segi pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan jumlah dagangan antarabangsa.

2.2.1 BURSA SAHAM MALAYSIA

Organisasi pertama perniagaan saham di Malaysia adalah Persatuan Broker Saham Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1930 dan telah didaftarkan sebagai Persatuan Broker Malaya pada tahun 1937. Bursa saham Malaya telah ditubuhkan pada tahun 1960 dan dagangan saham awam telah bermula di mana mempunyai organisasi dagangan di Singapura dan Malaysia yang disambung terus melalui rangkaian telefon. Pada tahun 1964, Bursa Saham Malaysia telah ditubuhkan. Dengan pemisahan Singapura daripada Malaysia, pada tahun 1965, Bursa Saham Malaysia menjadi Bursa Saham Malaysia dan Singapura dan pada tahun 1973, pertukaran matawang di antara Malaysia dan Singapura telah diberhentikan yang mana Bursa Saham Malaysia dan Singapura telah dibahagikan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dan Bursa Saham Singapura. Bursa Saham Kuala Lumpur telah diperbadankan pada 14 Disember 1976 sebagai syarikat berhad dan mengambil alih operasi-operasi Bursa Saham Kuala Lumpur Berhad pada tahun yang sama.

Pada 14 April 2004, Bursa Saham Kuala Lumpur Berhad telah ditukarkan kepada Bursa Malaysia Berhad, ekoran daripada mendemutualisasikan latihan yang bertujuan untuk menambah jumlah pesaing dan tindak balas tren global dalam sektor pertukaran yang lebih berorientasikan pasaran. Bursa Saham Malaysia lebih tertumpu kepada beberapa inisiatif bagi meningkatkan tawaran produk dan perkhidmatan, kecairan dan halaju pasaran, meningkatkan kecekapan syarikat serta mencapai ekonomi bidangan dalam operasi pasaran saham.

Sebuah indeks *broad-base* mewakili pertunjukan pada pasaran keseluruhan dan oleh proxy, mencerminkan sentimen pelabur dalam keadaan ekonomi. Indeks pasaran yang biasanya disebut adalah indeks-indeks asas-lebar terdiri dari saham-saham syarikat besar didaftarkan pada bursa saham terbesar sebuah Negara, seperti Indeks Perindustrian Dow Jones Amerika dan S&P 500 indeks, The British FTSE 100, CAC 40 Perancis, DAX Jerman, Nikkei 225 Jepun dan Indeks Hang Seng Hong Kong.

RAJAH 1: Penunjuk Bursa Saham

xlviii

5.5 — BURSA MALAYSIA: PENUNJUK TERPILIH

5.5 — BURSA MALAYSIA: SELECTED INDICATORS

	2002	2003	2004	2005	2006 ²
Indeks (akhir tempoh) Indices (end of period)					
<i>Kompositi Composite</i>	646.3	793.9	907.4	899.79	935.85
<i>Emas/EMAS</i>	157.3	195.6	214.3	203.6	—
<i>Papan Kedua/Second Board</i>	96.2	140.6	110.9	90.4	90.24
<i>Pasaran Mesdaq/Mesdaq Market</i>	83.1	152.3	122.8	87.1	116.97
Urus Niaga¹(Juta unit) Trading Volume¹ (million units)	55,630.2	112,183.2	108,014.3	118,819.8	138,489.3
<i>Papan Utama/Main Board</i>	47,024.3	80,374.4	78,452.0	66,258.1	80,068.1
<i>Papan Kedua/Second Board</i>	8,193.3	22,444.6	18,589.3	17,034.7	15,443.3
<i>Pasaran Mesdaq/Mesdaq Market</i>	412.7	8,259.8	9,358.2	14,563.1	34,193.1
<i>Purata Harian/Average Daily</i>	224.3	456.0	435.7	481.0	918.4
Urus Niaga¹ (RM juta) Trading Value¹ (RM million)	116,951.4	183,855.9	215,622.8	201,098.8	153,110.6
<i>Papan Utama/Main Board</i>	102,566.4	141,661.3	161,351.0	178,105.6	121,832.7
<i>Papan Kedua/Second Board</i>	14,171.9	35,945.9	25,019.8	14,071.7	12,140.8
<i>Pasaran Mesdaq/Mesdaq Market</i>	213.4	6,532.6	7,905.3	7,862.5	19,084.8
<i>Purata Harian/Average Daily</i>	471.6	747.5	673.7	514.1	1,078.2
Jumlah Syarikat Yang Disenaraikan² No. of Listed Companies²	868	906	963	1,003	1,029
<i>Papan Utama/Main Board</i>	562	598	622	646	649
<i>Papan Kedua/Second Board</i>	294	278	278	288	258
<i>Pasaran Mesdaq/Mesdaq Market</i>	12	32	63	107	122
Nilai Pasaran (akhir tempoh) Market Capitalisation (RM billion) (akhir tempoh/end of period)	481.6	640.3	722.0	706.4	727.8
<i>Papan Utama/Main Board</i>	464.5	553.5	622.8	600.4	699.4
<i>Papan Kedua/Second Board</i>	16.4	22.0	21.3	17.3	15.6
<i>Pasaran Mesdaq/Mesdaq Market</i>	0.8	3.1	6.7	7.4	12.2
Nilai Pasaran/KDNK (%) Market Capitalisation/GDP (%)	133.5	780.2	160.6	143.8	132.7

¹ Berdasarkan urus niaga pasaran.
² Sehingga Julai 2006

¹ Based on market transactions.
² Up to July 2006.

Sumber: Bursa Malaysia.

Source: Bursa Malaysia.

Bursa Malaysia merupakan antara bursa saham yang terbesar di Asia dengan hanya kurang 1,000 buah syarikat yang tersenarai bagi pelbagai pelaburan dunia. Syarikat-syarikat yang disenaraikan di papan Bursa Malaysia Securities Berhad adalah syarikat mempunyai modal yang lebih besar, Papan Kedua untuk syarikat-syarikat yang bersaiz sederhana atau Pasaran Mesdaq adalah syarikat yang mengalami pertumbuhan yang tinggi dan syarikat-syarikat teknologi. Indeks pasaran saham boleh dibahagikan dalam banyak cara. Rajah di atas menunjukkan petunjuk-petunjuk terpilih bagi Bursa Malaysia. Petunjuk Bursa Malaysia adalah bagi tahun 2002 sehingga 2005 di mana berdasarkan kepada urusan niaga pasaran. Urusniaga yang dijalankan berdasar kepada indeks-indeks Bursa Malaysia dan nilai pasaran per Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

2.2.1.1 Siri Indeks Bursa Malaysia

Siri Indeks Bursa Malaysia terdiri daripada:

No	Indeks	Tahun
i.	Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI)	1977
ii.	Indeks Perindustrian	1970
iii.	Indeks Teknologi	1999
iv.	Indeks Sektoral	
	-Produk Pengguna	1992
	-Pembinaan	1992
	-Kewangan	1970
	-Produk Industri	1992
	-Perlombongan	1970
	-Peladangan	1970
	-Harta	1970
	-Perdagangan / Perkhidmatan	1992

Semua indeks berasal dari syarikat-syarikat disenaraikan di papan utama kecuali Indeks Teknologi yang mengandungi syarikat-syarikat yang disenaraikan di papan utama dan papan kedua. Indeks dikira berdasarkan kepada tahun asas yang telah ditetapkan seperti dalam jadual.

Metodologi indeks:-

Semua Indeks Bursa Malaysia adalah bergantung pada pemodalan pasaran. Pengiraan indeks adalah seperti berikut:-

$$\frac{\text{Agregat semasa pemodalan pasaran}}{\text{Agregat asas pemodalan pasaran}} \times 100$$

2.2.1.2 Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI)

Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) merupakan indeks pasaran saham yang umumnya diterima sebagai kayu pengukur pasaran saham tempatan. KLCI telah diperkenalkan pada tahun 1986 sebagai penyelesaian kepada keperluan satu indeks pasaran saham yang akan memberikan suatu petunjuk prestasi saham di Malaysia begitu juga dengan ekonomi. Selain itu, KLCI digunakan sebagai indeks utama dan merupakan salah satu daripada tiga indeks utama bagi pasaran Malaysia yang mana dua lagi adalah FMB30 dan FMBEMAS. Terdapat 100 syarikat dari Papan Utama dengan lebih kurang 500 hingga 650 telah disenaraikan di Papan Utama yang terdiri daripada syarikat pelbagai sektor antara tahun 2000 hingga 2006 dan merupakan sebuah indeks pemberat modal.

Antara objektif Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) adalah menyediakan satu penanda aras prestasi untuk pasaran ekuiti rakyat Malaysia. Seterusnya KLCI mencerminkan prestasi syarikat-syarikat yang disenaraikan adalah mewakili sektor-sektor utama Malaysia. Objektif lain adalah mencerminkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia.

KLCI singkatan untuk Kuala Lumpur Composite Index atau lebih dikenali sebagai Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL). KLCI adalah berdasar kepada 100 buah syarikat yang terpilih daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Dalam realiti sebenar adalah sukar bagi sesebuah syarikat untuk tersenarai dalam KLCI. Hal ini kerana KLCI mewakili prestasi pasaran saham dan menjadi satu penanda aras dalam menentukan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

$$\text{KLCI} = \frac{\text{Agregat Semasa Pasaran Modal}}{\text{Agregat Pasarn Modal Tahun 1977}} \times 100$$

Rajah 2 : Prestasi Indeks Komposit



Tren dan paras KLCI pada hari ini adalah jauh di bawah purata 863.61 mata manakala jangkamasa pendek 30 hari adalah 950 mata. Petunjuk KLCI menunjukkan bahawa tren tersebut adalah kukuh dan jika KLCI pergi lebih rendah daripada 801 mata, ia boleh mendapat tahap sokongan lain pada 600 mata.

Sekali lagi, KLCI dengan mudah jatuh 950 mata dan menjunam sebelum mencapai tahap yang tertinggi yang mana berada tahap yang rendah sejak Jun 2004 pada 801 mata sebelum melambung naik dengan cepat. Walaubagaimanapun, pasaran Malaysia adalah kurang meruap daripada pasaran-pasaran lain. Walaupun kerajaan telah memberi jaminan bahawa pendedahan pasaran dan krisis kewangan semasa adalah minimum tetapi masih wujud kebimbangan daripada pelabur-pelabur. Inflasi tolakan walaupun pada harga komoditi yang rendah dan mata wang yang lemah telah menambahkan lagi rasa kebimbangan di kalangan pelabur-pelabur.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang bertambah baik, akan meningkatkan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) secara beransur-ansur. Walaubagaimanapun kebimbangan mengenai pertumbuhan ekonomi yang perlahan telah menyebabkan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terjejas sekaligus memberi kesan kepada Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI). Ini menyebabkan pertumbuhan ekonomi Negara akan terjejas.

2.2.2 DAGANGAN ANTARABANGSA

Pertumbuhan ekonomi Negara juga dilihat dari jumlah dagangan antarabangsa. Dagangan antarabangsa adalah perdagangan yang melibatkan dua buah Negara atau perdagangan yang melangkaui sempadan sesebuah Negara. Kedudukan luar negeri Malaysia terus kukuh jika akaun semasa bertambah. Bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara, dagangan antarabangsa juga perlu ditingkatkan dan pada masa yang sama kita perlu meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negeri supaya dapat menyumbang lebih banyak kepada peningkatan KDNK. Pertumbuhan ekonomi juga disokong oleh sumbangan yang lebih besar daripada permintaan luaran berikutan pertumbuhan eksport yang lebih teguh. Jadual 2.1 menunjukkan jumlah dagangan antarabangsa bagi Malaysia bagi tahun 1986 hingga 2007.

Jadual 2.1 : Dagangan Antarabangsa

TAHUN	EKSPORT (RM juta/million)	IMPORT (RM juta/million)	IMBANGAN DAGANGAN (RM juta/milion)
1986	35,720.9	27,921.4	7,799.5
1987	45,224.9	31,933.9	13,291.0
1988	55,260.0	43,293.4	11,966.7
1989	67,824.5	60,858.1	6,966.4
1990	79,646.4	79,118.6	527.8
1991	94,496.6	100,831.1	-6,334.4
1992	103,656.7	101,440.5	2,216.2
1993	121,237.5	117,404.7	3,832.8
1994	153,921.2	155,921.0	-1,999.8
1995	184,986.5	194,344.5	-9,358.0
1996	197,026.1	197,279.8	-253.7
1997	220,890.4	220,935.5	-45.0
1998	286,563.1	228,124.5	58,438.6
1999	321,559.5	248,476.8	73,082.7
2000	373,270.3	311,458.9	61,811.4
2001	334,283.8	280,229.1	54,054.7
2002	357,430.0	303,090.5	54,339.5
2003	397,884.4	316,537.9	81,346.5
2004	481,253.0	399,632.2	81,620.8
2005	536,233.7	432,870.8	103,362.9
2006	588,965.5	480,772.5	108,192.9
2007	605,153.2	504,813.8	100,339.4

2.2.2.1 EKSPORT

Malaysia merupakan sebuah Negara berpendapatan sederhana, berubah daripada sebuah Negara pengeluar bahan mentah seperti getah, bijih timah dan sebagainya pada 1971 kepada Negara berekonomi pelbagai sektor melalui Dasar Ekonomi Baru. Pada dasarnya, pertumbuhan Malaysia adalah bergantung kepada eksport bahan elektronik seperti cip komputer dan sebagainya. Akibatnya, Malaysia merasai tekanan hebat semasa kegawatan ekonomi pada tahun 1998 dan kemerosotan dalam sektor teknologi maklumat pada tahun 2001.

KDNK pada tahun 2001 hanya meningkat sebanyak 0.3% disebabkan pengurangan 11% dalam bilangan eksport tetapi pakej perangsang fiskal yang besar telah mengurangkan kesan kegawatan tersebut. Selain itu, Malaysia mempunyai persekitaran makroekonomi yang stabil (di mana kadar inflasi dan kadar pengangguran kekal di bawah 3%), simpanan pertukaran wang asing yang stabil, dan hutang luar yang kecil. Ini membolehkan Malaysia bebas dan mengalami krisis yang sama seperti Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997. Walaubagaimanapun, prospek jangka panjang kelihatan agak kabur disebabkan kurangnya perubahan dalam sektor korporat terutama sekali sektor yang berurusan dengan hutang korporat yang tinggi dan kompetitif. Selain getah dan sawit yang banyak di semenanjung, Sabah dan Sarawak juga kaya dengan sumber asli seperti kayu balak, petroleum dan gas asli yang menjadi eksport utama Malaysia.

Pada bulan Ogos 2008, eksport Malaysia merekodkan kenaikan sebanyak 10.6% kepada RM59.6 bilion berbanding tahun lalu. Barangan elektrik & elektronik, bernilai RM173.3 bilion, kekal sebagai sumber pendapatan eksport Malaysia yang terbesar dan menyumbangkan 38.5% daripada jumlah eksport bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2008. Pendapatan eksport daripada kumpulan produk ini meningkat sebanyak RM1.9 bilion atau pertambahan 1.1% daripada jumlah eksport bagi tempoh lapan bulan pertama 2008. Komponen utama iaitu barangan litar bersepadu elektronik yang merupakan 26.4% daripada jumlah eksport barangan elektrik & elektronik jatuh sebanyak 7.6% kepada RM45.7 bilion.

Minyak kelapa sawit dan hasil keluaran kelapa sawit, sumber pendapatan eksport kedua terbesar dengan jumlah nilai gabungan sebanyak RM45.2 bilion bagi tempoh Januari hingga Ogos 2008, menyumbangkan 10% kepada jumlah eksport. Eksport minyak kelapa sawit, komoditi utama daripada kumpulan produk ini, menunjukkan pertambahan sebanyak 79.6% kepada RM33.1 bilion. Kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan purata nilai seunit dan kuantiti eksport masing-masing sebanyak 41.1% kepada RM3,106.4 satu tan dan 27.3% kepada 10.7 juta tan.

Selain itu, petroleum mentah, komoditi ketiga terbesar yang merupakan 6.6% daripada jumlah eksport meningkat sebanyak RM9.4 bilion (46.5%) kepada RM29.5 bilion dalam tempoh rujukan 2008. Ini disumbangkan oleh kenaikan purata nilai seunit sebanyak 41% kepada RM2,547.6 satu tan dan peningkatan kecil dalam kuantiti eksport sebanyak 3.9% kepada 11.6 juta tan.

Bagi gas asli cecair (LNG), mewakili 5.1% daripada jumlah eksport, merupakan pendapatan eksport keempat terbesar. Jumlah eksport LNG meningkat sebanyak 33.7% kepada RM22.9 bilion untuk lapan bulan pertama 2008. Peningkatan ini disumbangkan oleh purata nilai seunit yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1,483.2 satu tan (34.6%). Walaubagaimanapun, kuantiti eksport LNG menyusut sedikit iaitu sebanyak 0.7% kepada 15.4 juta tan. Keluaran petroleum yang merupakan komoditi eksport kelima terbesar (4.6% daripada jumlah eksport), mencatatkan lonjakan yang ketara sebanyak 74.1% kepada RM20.6 bilion untuk tempoh yang sama tahun lalu.

Di samping itu, kayu dan hasil keluaran kayu yang merupakan eksport keenam terbesar berjumlah RM14.9 bilion atau 3.3% daripada jumlah eksport, berkurangan sebanyak RM211.9 juta dibandingkan pada tempoh yang sama tahun 2007.

2.2.2.2 IMPORT

Import pula mencatatkan kenaikan sebanyak 4.2% kepada RM46.9 bilion dibandingkan pada bulan yang sama tahun 2007. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan antara kategori import antara tahun 2008 dan tahun 2007. Komposisi import penggunaan akhir bagi tiga kategori import terbesar tahun 2008 seperti berikut;

a. Barang pengantara	RM258.4 bilion (72.7% daripada jumlah import); komponen utama ialah alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) bernilai RM112.0 bilion atau 43.3% daripada jumlah barang pengantara.
b. Barang modal	RM46.7 bilion (13.2% daripada import)
c. Barang penggunaan	RM21.6 bilion (6.1% daripada jumlah import)

Apabila dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2007, kumpulan barangan di atas telah mencatatkan perubahan nilai seperti yang ditunjukkan di bawah:-

a. Barang pengantara	RM26.4 bilion (11.4%)
b. Barang modal	RM2.3 bilion (5.1%)
c. Barang penggunaan	RM2.8 bilion (15.0%)

2.2.2.3 LEBIHAN DAGANGAN

Sepuluh rakan dagangan utama Malaysia ialah Singapura, Amerika Syarikat, Jepun, Republik Rakyat China, Thailand, Republik Indonesia, Taiwan, Hong Kong, dan Jerman. Kesemua Negara tersebut menyumbang RM496.5 bilion atau 71.1% kepada jumlah perdagangan Malaysia bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2008. Perdagangan luar negeri Malaysia telah mencatatkan lebihan dagangan bernilai RM14.5 bilion iaitu meningkat sebanyak 26.7% berbanding RM11.5 bilion yang direkodkan pada bulan yang sama tahun 2007. Ini merupakan bulan ke-131 lebihan dagangan sejak November 1997.

Jumlah eksport telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 16.0% kepada RM512.2 bilion bagi tiga suku pertama tahun 2008, manakala import pula meningkat sebanyak 9.1% kepada RM403.2 bilion dibandingkan masing-masing RM441.7 bilion (eksport) dan RM369.7 bilion (import) pada tahun 2007. Lebihan perdagangan dijangka meningkat didorong pendapatan eksport dari sektor komoditi, terutama minyak sawit dan minyak mentah. Sehubungan itu, akaun barangan dijangka mencatat lebihan dagangan tinggi. Perkembangan dalam industri pelancongan menyumbang kepada aliran masuk bersih akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain.


2.2.3 RIZAB NEGARA

Bank Negara bertanggungjawab menguruskan rizab pertukaran asing Negara bagi memastikan Malaysia mampu memenuhi tanggungjawab antarabangnya, mengurangkan kesan perubahan sementara terhadap aliran masuk dan keluar dalam imbalan pembayaran Malaysia dan menggalakkan asas kadar pertukaran ringgit yang kukuh dan stabil. Dasar kawalan tukaran asing Malaysia adalah menjurus ke arah memastikan kestabilan ringgit di samping menggalakkan penggunaan sumber kewangan Negara untuk tujuan yang produktif. Pada amnya, dana bebas untuk keluar masuk dari atau ke Negara ini tertakluk kepada peraturan-peraturan berhemat tertentu yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia menurut Akta Tukaran Asing 1953.

Bagi menguruskan keadaan kewangan dan ekonomi secara efektif, Bank Negara Malaysia mengumpul data dan maklumat mengenai ekonomi domestik dan sistem kewangan serta persekitaran antarabangsa. Ahli-ahli ekonomi di Bank Negara Malaysia menganalisa perkembangan ekonomi dan kewangan untuk dijadikan asas kepada proses penggubalan dasar. Maklumat diperolehi dari pelbagai sumber termasuk penerbitan-penerbitan oleh berbagai agensi oleh dalam dan luar Negara dan melalui dialog yang berterusan dan pelbagai kumpulan dari sektor swasta.

Di samping itu, sumber penting maklumat ekonomi adalah diperolehi daripada sektor kewangan. Keupayaan mengawasi secara dekat aktiviti institusi kewangan juga membolehkan Bank Negara Malaysia mengawasi dengan lebih efisien kesan dasar-dasar ekonomi yang boleh dilaksanakannya. Berdasarkan carta di bawah menunjukkan rizab antarabangsa Malaysia bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2004 sehingga tahun 2006.

Rajah 3 : Rizab Antarabangsa Malaysia



Kedudukan hutang luar negeri Malaysia bertambah baik kepada RM179.4 bilion (USD50.3 bilion) pada akhir tahun 2006, mencerminkan pengurangan dalam hutang jangka pendek, dan hutang jangka sederhana dan panjang. Jumlah hutang luar negeri kini hanya memcukupi 34.1% daripada KNK, jauh lebih rendah daripada sebanyak 41.9% pada tahun 2005. Hutang jangka pendek yang berkurangan disebabkan pelunasan peminjaman antara bank oleh sektor perbankan. Pengurangan dalam hutang jangka sederhana dan panjang mencerminkan pembayaran balik pinjaman bersih oleh sektor awam, yang merupakan pembayaran balik bersih untuk tahun keempat berturut-turut. Kemampuan Malaysia untuk memenuhi kewajipan membayar hutang dan daya tahannya bertambah baik dengan ketara. Hutang jangka pendek hanya mencakupi 23% daripada jumlah hutang luar negeri atau 7.8% daripada KNK. Nisbah khidmat bayaran hutang pula menurun kepada 4.7%.

Rizab Malaysia tidak mempunyai sebarang pinjaman dalam mata wang asing yang berserta opsyen, kemudahan kredit belum dipakai dan kemudahan kredit tanpa syarat, yang diberi oleh atau kepada bank pusat lain, organisasi antarabangsa, bank, dan institusi kewangan lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terlibat dalam urusan niaga opsyen dalam mata wang asing terhadap ringgit.

2.3 KAJIAN LITERATUR / SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian dilakukan oleh Izani Ibrahim (2002) mengkaji kesan eksport ke atas pertumbuhan ekonomi dan produktiviti dengan menggunakan analisis silang. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pekali bagi model Feder berkurangan apabila analisis dibuat setelah penyelarasan bagi kepegunan dibuat. Kesan eksport ke atas pertumbuhan dan produktiviti didapati signifikan secara positif dan sektor eksport didapati mempunyai kesan luaran positif ke atas sektor bukan eksport. Pengkaji mendapati produktiviti lebih tinggi dalam eksport adalah berhubung dengan saiz dan orientasi perdagangan sebuah Negara serta pembuatan.

Kajian Yao, Shujie dan Wei, Kailei (2007) bertajuk “Pertumbuhan Ekonomi Melalui FDI : Perspektif Baru Ekonomi Perindustrian” bagi menganalisis kesan FDI kepada pertumbuhan ekonomi ke atas proses pembangunan baru ekonomi perindustrian. Kajian ini membincangkan mengenai ujian dua saranan ke atas FDI dalam pertumbuhan ekonomi daripada satu perindustrian mengikut perspektif ekonomi di mana FDI merupakan penggerak kecekapan pengeluaran kerana sumbangan FDI yang mengurangkan jurang antara tahap pengeluaran sebenar dan pengeluaran berterusan. Kedua, FDI mempunyai teknologi yang maju dan pengetahuan yang menjadi penggerak kepada pengeluaran Negara. Dapatan menunjukkan FDI merupakan penggerak utama dalam pertumbuhan ekonomi bagi satu ekonomi perindustrian baru ke arah mencapai kemajuan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Hyeon-Seung Huh (2002) mengkaji keupayaan indeks komposit utama dan aktiviti ekonomi untuk meramalkan penggerak-penggerak dalam pertumbuhan ekonomi menggunakan ujian causality Granger tidak linear di 11 buah Negara. KDNK dua siri dan KLCI telah diuji untuk ujian punca unit dan kointegrasi. Dapatan menunjukkan lapan daripada 11 buah Negara menyokong ujian causality tidak linear kepada KDNK.

Kajian oleh Markus Eller, Peter Hasis dan Katharina (2006) mengkaji kesan kecekapan saluran kewangan FDI (FSIFDI) terhadap pertumbuhan ekonomi. Pengkaji menggunakan data keratan rentas bagi rangka kerja pertumbuhan perakaunan antara 1996 hingga 2003 ke atas 11 negara Eropah Timur bagi melihat kesan FSIFDI terhadap pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian menunjukkan pembolehubah-pembolehubah FSIFDI telah membawa kepada pertumbuhan FSIFDI sementara dan tetap mendorong kepada kecekapan tetapi tidak dapat dibuktikan dengan nilai-nilai masa kini bagi petunjuk FSIFDI. Kajian ini mencadangkan analisis masa depan harus memperkukuhkan pendekatan teratur untuk mengenalpasti potensi ketidaklinearan antara FS (FDI) dan pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu, kajian oleh Chandana Chakraborty dan Peter Nunnenkamp (2007) mengenai “Economic Reforms, FDI dan Economic Growth India : A Sector Level Analysis” bagi melihat kesan pertumbuhan FDI kepada perubahan besar dalam semua sektor ekonomi. Kedudukan pelaburan langsung asing (FDI) yang melambung naik dalam penyusunan semula ekonomi India telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Dalam menggunakan kaedah ujian Causality Granger dalam rangka kerja panel kointegrasi. Dapatan menunjukkan saham-saham FDI dan keluaran berada dalam keadaan yang kukuh dalam sektor pembuatan, dan tidak memberi kesan kepada sektor utama. Kesan-kesan sementara FDI terhadap output dalam sektor perkhidmatan di mana ia lebih kepada memperkenalkan sektor pembuatan melalui persilangan antara sektor yang mengalami kejatuhan. Berdasarkan kepada pandangan optimistik beberapa ahli ekonomi berpendapat dasar yang dilaksanakan di India telah berjaya membuka laluan untuk pelaburan langsung asing.

Berdasarkan kepada kajian Rizaudin Sahlan (2000) mengenai Laluan Pengembangan Pelaburan (IDP) di Malaysia bagi tempoh 1970 hingga 1998. Tujuannya adalah untuk menentukan sama ada FDI di Malaysia menepati jangkaan seperti apa yang disarankan dalam kaedah IDP. Analisis regresi menunjukkan bahawa FDI di Malaysia memasuki tahap satu dan tahap dua daripada lima tahap paradigma IDP dan dapatan ini menyokong paradigma IDP di Malaysia. Dapatan menunjukkan kerajaan perlu memimpin pengembangan pelaburan Negara ke tahap yang lebih tinggi melalui perluasan insentif kepada firma tempatan untuk menjadi pelaburan antarabangsa, justeru mencapai FDI keluar bersih yang positif seterusnya mencapai tahap empat dan tahap lima dalam jangka panjang.

Kajian Dierk Herzer, Stephen K Lasen and Felicitas Nowak-Lehmorn D (2008) bertajuk “In Search Of FDI-led Growth In Developing Countries : The Way Forward”. Secara amnya FDI mempunyai kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi di Negara-negara membangun. Dengan menggunakan kaedah ujian kointegrasi, single-equation conditional error correction model (ECM) dan pendekatan Johansen. Ia mendapati bahawa sebahagian besar Negara yang luas, wujud kesan sama ada dalam jangka pendek atau jangka panjang FDI terhadap KDNK. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan antara kesan pertumbuhan FDI dan tahap pendapatan perkapita, tahap pendidikan, darjah keterbukaan, dan tahap pembangunan kewangan di Negara membangun. Pengkaji mendapati penyelidikan masa depan patut ditumpukan bagi mengenalpasti pelbagai FDI yang akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Kajian seterusnya ditulis oleh Sjoerd Beugelsdik, Rajersmeets and Zwinkles (2008) yang bertajuk “The impact of horizontal and vertical FDI on host’s country economic growth” yang bertujuan mengkaji kesan pertumbuhan mendatar FDI dan pertumbuhan menegak FDI. Kajian ini menggunakan satu pangkalan data baru di mana menganggar kesan-kesan pertumbuhan menegak dan mendatar aktiviti AS MNE ke dalam 44 negara tuan rumah dalam tempoh 1983 hingga 2003 serta menggunakan tradisional FDI sebagai satu jumlah tahun asas. Pengawasan bagi endogeniti dan keupayaan menyerap, mendapati bahawa FDI yang mendatar dan menegak mempunyai hubungan positif dan memberi kesan yang penting kepada pertumbuhan Negara-negara maju. Hasil kajian menunjukkan akibat pertumbuhan ekonomi yang baik dan memberangsangkan memberi lebih banyak kesan kepada FDI yang mendatar berbanding FDI menegak. Akibat daripada pertumbuhan atasan HFDI adalah penting, pengkaji mencadangkan bahawa bukan semua FDI adalah baik bagi satu perspektif pertumbuhan ekonomi.

Micheal Smirlock and Laura Starks (1988) mengkaji hubungan antara perubahan harga saham dan dagangan dalam pasaran saham. Menggunakan ujian penyebab Granger yang mana hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan antara perubahan harga di peringkat firma dan tingkat pendapatan umum. Pengkaji mendapati akibat daripada maklumat yang wujud adalah lebih tepat berbanding proses yang serentak, walaupun hasil kajian tidak disokong.

William Veloce (1996) mengkaji hubungan dinamik antara komponen indeks komposit dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Model-model adalah dinilai melalui peramalan ex-ante KDNK dalam tempoh kemelesetan 1991 hingga 1992. Walaubagaimanapun, indeks komposit lebih baik menggunakan model univariate seasonal autoregressive integrated moving average (SARIMA) untuk KDNK. Hasil kajian menunjukkan keupayaan komponen-komponen menghala kepada kitaran perniagaan. Pengkaji mendapati ramalan untuk setiap komponen boleh diuji melalui univariate KDNK dengan bivariat model-model utama KDNK.

BAB III

METODOLOGI

3.1 PENDAHULUAN

Pembentukan model kajian merupakan perkara yang paling utama dalam menjalankan sesuatu kajian. Tanpa sesebuah model adalah mustahil untuk mengkaji dan membuat keputusan. Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan teori dan model yang digunakan bagi menghasilkan kajian ini, berdasarkan keutamaan kajian. Model yang digunakan dalam kajian ini adalah bersifat linear. Antara ujian yang digunakan adalah ujian punca unit, ujian kointegrasi dan ujian penyebab Granger.

3.2 DATA DAN SET MODEL KAJIAN

Bagi memperoleh hasil kajian, kajian ini menggunakan data sekunder yang merupakan data siri masa bagi tempoh 22 tahun dari tahun 1986 hingga 2007, yang memberi tumpuan kepada indikator-indikator iaitu penentu dalam menentukan pertumbuhan ekonomi. Segala data dalam kajian ini adalah diperolehi daripada Bursa Saham Malaysia (BSM), Jabatan Perangkaan Negara (DOS), laporan ekonomi dan sebagainya. Antara indikator-indikator yang digunakan dalam menentukan pertumbuhan ekonomi adalah Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), nilai dagangan dan rizab Negara. Oleh yang demikian, pembolehubah yang dapat dibentuk menggunakan model regresi berbilang bagi tujuan penganggaran adalah:-

$$\ln\text{KDNK}_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln\text{KLCI}_t + \alpha_2 \ln\text{EKS}_t + \alpha_3 \ln\text{IMP}_t + \alpha_4 \ln\text{RZB}_t + \varepsilon_t$$

di mana;

t = siri masa

α = pekali yang dianggarkan

ε = sebutan ralat

KDNK = Keluaran Dalam Negara Kasar

KLCI = Indeks Komposit Kuala Lumpur

EKS = Eksport

IMP = Import

RZB = Rizab Negara

Berdasarkan kepada model yang dapat dibentuk di atas menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Dalam membuat penganggaran bagi model pertumbuhan ekonomi Negara, perisian Econometrics Views atau lebih dikenali sebagai E-Views telah digunakan secara menyeluruh.

3.3 TEORI DAN SPESIFIKASI KAJIAN

Teori dan spesifikasi kajian memperlihatkan bagaimana pengujian dilakukan ke atas data dan secara khusus, model akan diklasifikasikan kepada dua bentuk pengujian iaitu ujian berdasarkan analisis korelasi dan integrasi. Pembentukan model bagi setiap kategori akan dihuraikan secara terperinci bagi memudahkan ujian dilakukan untuk menentukan sejauh mana magnitud di antara pembolehubah bersandar serta bebas terlibat.

3.3.1 Korelasi

Masalah yang sering timbul apabila menggunakan data siri masa ialah masalah Kolinearan Boleh Bilang (*Multicolinearity*). Masalah ini wujud di antara pembolehubah tak bersandar. Apabila pembolehubah tak bersandar dalam persamaan regresi adalah berstokastik, maka sifat penganggar Kuasa Dua Terkecil (OLS) akan bergantung kepada pembolehubah rawak.

Daripada kenyataan ini, boleh disimpulkan bahawa apabila terdapat korelasi antara pembolehubah rawak, maka penganggar Kuasa Dua Terkecil adalah pincang dan arah kepincangan bergantung kepada bentuk korelasi tersebut. Keadaan yang berlaku dalam kajian ini melibatkan lima pembolehubah tak bersandar yang mana melibatkan data siri masa. Kewujudan perhubungan korelasi ini boleh digambar menggunakan Ujian Korelasi Matriks.

3.3.2 Integrasi

Analisis empirikal dalam kajian ini terlebih dahulu dilakukan dengan menggunakan ujian punca unit, kointegrasi dan seterusnya ujian penyebab antara pembolehubah yang terlibat dalam menentukan pertumbuhan ekonomi Negara.

a) Ujian Punca Unit

Memandangkan data yang digunakan dalam kajian ini adalah data siri masa, maka ujian Punca Unit adalah perlu. Tujuannya adalah untuk mengelakkan daripada penganggaran regresi palsu, iaitu penganggaran yang tidak menunjukkan hubungan yang sebenar, walaupun penganggaran regresinya kelihatan baik.

Keadaan ini boleh dikesan dengan merujuk nilai R^2 yang melebihi d -Durbin Watson (data pegun). Dalam erti kata mudah, 'regresi palsu' (*spurious regression*) kemungkinan terhasil akibat daripada penggunaan pembolehubah yang tidak pegun dalam model persamaan regresi atau yang mempunyai kepegunan yang berbeza. Pembolehubah yang pegun di sini bermaksud, nilai min, varians, dan kovariannya adalah malar menerusi masa dalam erti kata lain, pembolehubah yang tidak mempunyai ciri perjalanan rawak.

Pembolehubah kemungkinan berada dalam keadaan pegun dalam bentuk paras (*Level*) atau dalam bentuk Pembezaan Pertama mahupun Pembezaan Kedua (*First Difference / Second Difference*). Jika pembolehubah berada pada kedudukan pegun setelah dibezakan sekali, maka pembolehubah tersebut mempunyai integrasi satu atau $I(1)$. Manakala, jika pembolehubah tersebut dibezakan sebanyak 'n' kali untuk menjadi pegun, maka pembolehubah tersebut dikatakan mempunyai integrasi ke-n atau $I(n)$. Walaupun terdapat pelbagai ujian dalam mengenalpasti punca unit dalam data siri masa, Ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF Test, 1979) yang amat kerap digunakan. Ujian punca unit ADF mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkolerasi mempunyai varians yang malar.

Kajian ini akan menggunakan Ujian Augmented Dickey-Fuller dan Ujian Phillip-Peror dalam melihat kepegunan data kajian. Persamaan yang dihasilkan dengan menggunakan kaedah ADF adalah seperti berikut:-

$$\Delta \ln \text{GDP}_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln \text{GDP}_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{t=1}^n \ln \text{GDP}_{t-1} + \mu_t \dots \dots \dots (2a)$$

$$\Delta \ln \text{KLCI}_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln \text{KLCI}_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{t=1}^n \ln \text{KLCI}_{t-1} + \mu_t \dots \dots \dots (2b)$$

$$\Delta \ln \text{EKS}_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln \text{EKS}_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{t=1}^n \ln \text{EKS}_{t-1} + \mu_t \dots \dots \dots (2c)$$

$$\Delta \ln \text{IMP}_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln \text{IMP}_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{t=1}^n \ln \text{IMP}_{t-1} + \mu_t \dots \dots \dots (2d)$$

$$\Delta \ln \text{RZB}_t = \alpha_0 + \alpha_1 \Delta \ln \text{RZB}_{t-1} + \alpha_2 \psi_t + \alpha_3 \sum_{t=1}^n \ln \text{RZB}_{t-1} + \mu_t \dots \dots \dots (2e)$$

Berdasarkan kepada persamaan (2a) hingga (2e), $\Delta \ln \text{GDP}$, $\Delta \ln \text{KLCI}$, $\Delta \ln \text{EKS}$, $\Delta \ln \text{IMP}$ dan $\Delta \ln \text{RZB}$ menunjukkan perbezaan pertama untuk siri masa kajian. Manakala symbol ψ_t merupakan aliran siri masa. Sementara μ_t mewakili ralat gangguan putih (white noise error term). Hipotesis nol dalam mengambilkira aspek kepegunan adalah $\alpha = 0$, yang bermaksud wujud ketidakpegunan data siri masa hipotesis alternatif adalah $\alpha \neq 0$, yang bermaksud wujud kepegunan data siri masa. Bagi menguji hipotesis ini, nilai statistic- t atau τ (tau) untuk koefisien α_2 akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang dihitung oleh MacKinnon menerusi simulasi Monte Carlo.

Tidak seperti Ujian ADF yang mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkolerasi dan mempunyai varian yang malar, Ujian Punca Unit Phillip-Perron dilihat lebih baik kerana ia mengambilkira masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam faktor gangguan tersebut, terutama jika nilai varian dalam faktor gangguan bersifat tidak malar. Ujian Phillip-Perron bermula dengan menganggarkan persamaan-persamaan berikut;

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \varepsilon_t \dots\dots\dots(3a)$$

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \alpha_2 t + \varepsilon_t \dots\dots\dots(3b)$$

Di mana ΔX_t merupakan pembezaan pertama siri X_t dan t merupakan tren masa. Dalam persamaan (3a), untuk X_t menjadi pegun, nilai statistic-t dan $Z(\tau_{\alpha,\mu})$ mestilah bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza daripada nilai sifar. Bagi persamaan (3b), untuk X_t menjadi pegun, nilai statistic-t dan $Z(\tau_{\alpha,\mu})$ mestilah bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza daripada nilai sifar. Justeru, tidak hairan jika ditegaskan bahawa Ujian Statistik Phillip-Perron adalah hasil pengubahsuaian daripada Ujian Statistik $-t$ Dickey Fuller, yang telah mengambilkira kekangan dalam faktor gangguan. Namun, nilai kritikal bagi Ujian Phillip-Perron adalah sama sepertimana nilai kritikal yang diperolehi dari McKinnon. Dalam kajian ini, kedua-dua ujian akan digunakan serta keputusannya juga akan dilaporkan.

b) Ujian Ko-integrasi Johansen

Ujian Kointegrasi Johansen ini secara amnya digunakan bagi mengkaji perhubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas bagi suatu model regrasi berbentuk siri masa. Kointegrasi merujuk kepada kombinasi linear bagi pembolehubah yang tidak pegun. Justeru, kajian ini mengadaptasikan kerangka kerja Johansen untuk mendapatkan keputusan kointegrasi yang mantap. Dalam kajian ini, pendekatan ‘*vector Auto Regression*’ atau dikenali sebagai pendekata VAR sahaja digunakan untuk melihat hubungan jangka panjang pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini.

Pendekatan Model Pmbetulan Ralat atau dikenali sebagai ‘*Vector Error Correlation Model*’ (VECM) tidak digunakan dalam kajian ini atas batasan objektif kajian ini yang ingin meninjau keberkesanan pembolehubah bebas dalam menentukan prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Persamaan bentuk matriks di bawah memaparkan dengan lebih lanjut konsep perhubungan jangka pendek serta panjang yang mamp diolah jikalau menggunakan pendekatan VECM.

Pengukuran kointegrasi dalam kajian ini melibatkan dua bentuk ujian, iaitu Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak (Trace). Ujian formal bagi bilangan pembolehubah yang berkointegrasi antara satu sama lain adalah berdasarkan kepada Nilai Maksimum Eigen (Maximum Eigen Value) dan ia merupakan Ujian Likelihood Ratio (LR). Manakala, Ujian Jejak (Trace) pula berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC) dalam menentukan bilangan lag (lag) dalam penganggaran model kajian. Persamaan di bawah memaparkan dengan lebih dekat peranan kedua-dua ujian dalam menentukan hubungan kointegrasi dalam kajian;

Ujian Nilai Maksimum Eigen:

$$\rho_r = -T \log(1-\lambda_i) \quad \dots\dots\dots(4a)$$

Ujian Jejak (Trace):

$$\eta_r = -T \sum_{i=r+1}^k \log(1-\lambda_i) \quad \dots\dots\dots(4b)$$

Di mana, ρ_r merujuk kepada penganggaran statistik bagi nilai Maksimum Eigen dan η_r pula merujuk kepada penganggaran statistik bagi Ujian Jejak (Trace). Sementara, nilai T pula merujuk kepada bilangan cerapan bebas dan λ_i merujuk kepada nilai eigen bagi pangkat i dan nilai $r = 1$ atau $r \geq 1$. Bagi melihat sama ada wujudnya hubungan kointegrasi, hipotesis berikut telah diaplikasikan dalam kajian ini;

$$H_0 : r_1 = 0, r \leq 1$$

$$H_1 : r_1 > 0, r \geq 1 \quad \dots\dots\dots(4c)$$

Di mana, H_0 merujuk kepada ketidakwujudan kointegrasi dan H_1 pula merujuk kepada kewujudan aspek kointegrasi.

Langkah seterusnya adalah menguji dinamika jangka pendek pembolehubah bebas dalam kajian ini menggunakan Fungsi Impulse Response. Fungsi ini mampu mengenalpasti kesan bagi satu sisihan piawai kejutan terhadap nilai semasa serta masa depan bagi pembolehubah bersandar. Kejutan terhadap sesuatu pembolehubah akan mempengaruhi pembolehubah tersebut secara langsung dan mampu dipindahkan kepada pembolehubah tidak bersandar yang lain.

c) Ujian Penyebab Granger

Disebabkan kajian ini melibatkan data berbentuk siri masa, maka prosedur Ujian Sebab-Akibat atau lebih dikenali sebagai Granger-Causality menjadi antara pengukur utama kajian. Dalam melihat hubungan sebab-akibat, pembolehubah bersandar iaitu keluaran dalam Negara kasar (KDNK) diandaikan X_t dan pembolehubah bebas iaitu KLCI, EKS, IMP dan RZB, diandaikan Y_t . Pembolehubah X_t dikatakan penyebab Granger terhadap Y_t , jika lat (lag) yang dimasukkan ($X_{t-1}, X_{t-2}, \dots, X_{t-n}$) akan meningkatkan jangkaan bagi Y_t . Keadaan sama juga, apabila pembolehubah Y_t dikatakan Penyebab Granger apabila lat (lag) yang dimasukkan ($Y_{t-1}, Y_{t-2}, \dots, Y_{t-n}$) menyebabkan jangkaan bagi X_t mempunyai nilai ralat min kuasa dua yang kecil. Keadaan ini di paparkan menggunakan persamaan berikut;

$$\ln KDNK_t = \delta + \sum_{i=1}^a \alpha_i KDNK_{t-i} + \sum_{j=1}^b \alpha_n \ln Y_{t-j} + \mu_t \dots \dots (4a)$$

$$\ln Y_t = \rho + \sum_{i=1}^m \gamma_i \ln Y_{t-i} + \sum_{j=1}^n \lambda_j \ln KDNK_{t-j} + \tau_t \dots \dots \dots (4b)$$

Di mana, δ dan ρ merupakan pembolehubah konstan dalam persamaan (5a) dan (5b). Sementara pekali penganggaran dalam persamaan di atas diwakili oleh α_i , α_j , γ_i dan λ_j . Manakala, μ_t dan τ_t pula mewakili sebutan ralat yang tidak berkolerasi dengan nilai min sifar serta tahap kovarians yang terbatas. Kedua-dua persamaan di atas dianggarkan menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS) dengan menggunakan hipotesis berikut;

Hipotesis Persamaan (5a):

$$H_0 : \alpha_1 = \alpha_2 = \alpha_3 = \alpha_4 = \alpha_5 = 0$$

$$H_1 : \alpha_1 \neq \alpha_2 \neq \alpha_3 \neq \alpha_4 \neq \alpha_5 \neq 0$$

Hipotesis Persamaan (5b):

$$H_0 : \lambda_1 = \lambda_2 = \lambda_3 = \lambda_4 = \lambda_5 = 0$$

$$H_1 : \lambda_1 \neq \lambda_2 \neq \lambda_3 \neq \lambda_4 \neq \lambda_5 \neq 0$$

Jika hipotesis nol (H_0) diterima berasaskan Ujian-F, bermakna $\ln\text{KDNK}_t$ bukan menjadi penyebab Granger bagi $\ln Y_t$ yang diwakili oleh pembolehubah bebas kajian. Sebaliknya, jika (H_0) ditolak bagi kedua-dua persamaan oleh Ujian-F, bermakna wujud hubungan sehala di antara $\ln\text{KDNK}_t$ dan $\ln Y_t$. Hubungan songsang hanya akan wujud, seandainya berlaku sebab-akibat berbentuk 2 hala, iaitu $\ln\text{KDNK}_t$ memberi implikasi terhadap $\ln Y_t$ dan pada masa yang sama $\ln Y_t$ memberi kesan terhadap $\ln\text{KDNK}_t$.

Bagi menyokong hipotesis KDNK dalam kajian ini yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi melalui ujian Sebab-Akibat Granger, pembolehubah KDNK ($\ln\text{KDNK}_t$) mesti menyebabkan pertumbuhan ekonomi dalam bentuk Granger-Causality dan ia mesti secara signifikan positif.

Bagi merealisasikan kajian ini tanpa sebarang penganggaran palsu, maka ujian kepegunan (ADF test) sewajarnya dilakukan. Jika tidak, Ujian Statistik-F dalam Ujian Sebab-Akibat Granger akan memperlihatkan taburan yang tidak normal serta keputusan empirikal yang mengelirukan. Dalam kajian ini, ujian kepegunan ADF digunakan untuk mengenalpasti punca unit dalam data siri masa dan hasil keputusannya dilaporkan.

3.4 DEFINISI PEMBOLEHUBAH

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Jumlah nilai pasaran keseluruhan barang dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan dalam sesebuah Negara pada masa tertentu. Ia juga mengambil kira jumlah nilai yang dicampur pada setiap peringkat pengeluaran untuk barang dan perkhidmatan terakhir yang dihasilkan dalam sesebuah Negara pada masa tertentu dan dalam nilai wang.

Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI)

Merupakan indeks pasaran saham yang umumnya diterima sebagai kayu pengukur pasaran saham tempatan. KLCI adalah penyelesaian kepada keperluan satu indeks pasaran saham yang akan memberikan suatu petunjuk prestasi saham di Malaysia begitu juga dengan ekonomi.

Dagangan Antarabangsa

Merupakan perdagangan atau pelaburan di sesebuah Negara asing yang lain dengan bermatlamatkan keuntungan.

Eksport

Penjualan barangan atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam Negara ke pasaran antarabangsa sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Import

Kemasukan barangan atau perkhidmatan dari Negara asing ke Negara sendiri sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Rizab Negara

Dana simpanan Negara yang merangkumi rizab antarabangsa.

3.5 KESIMPULAN

Data, teori dan spesifikasi model kajian merupakan kaedah untuk mengenalpasti pengujian-pengujian yang akan digunapakai bagi membolehkan pembolehubah-pembolehubah kajian menjadi ukuran dalam menentukan prestasi pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara. Ini kerana penganggaran sesuatu model akan dapat dilaksanakan apabila sesuatu teori diperolehi. Sekiranya, sesuatu fakta dapat digeneralisasikan maka teori tersebut dikatakan dapat digunapakai. Kebiasaanya, sesuatu teori yang baik dapat menerangkan fakta tersebut secara lebih meluas dan ini membolehkan teori tersebut diuji.

BAB IV

ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji ini akan menganalisis dapatan kajian bagi beberapa ujian yang telah dijalankan ke atas data siri masa untuk mengkaji hubungan yang wujud di antara pembolehubah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), lebihana dagangan dan rizab Negara. Bagi melaksanakan ujian yang telah dikenalpasti, pengkaji menggunakan perisian E-view 5 untuk mendapatkan hasil keputusan bagi setiap ujian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menukar semua data ke dalam bentuk log sebelum analisis ujian statistik dijalankan yang mana semua hasil keputusan akan diterangkan dalam bentuk log pembolehubah.

4.2 ANALISIS KEPUTUSAN REGRESI MUDAH

Berdasarkan kepada analisis keputusan regresi, model yang dapat dibentuk adalah seperti di bawah;

$$\text{KDNK} = 3.790 + 0.324 \text{ EKS} - 0.003 \text{ IMP} - 0.438 \text{ KLCI} + 0.640 \text{ RZB}$$

$$(0.835) \quad (0.657) \quad (0.550) \quad (0.210) \quad (0.237)$$

$$[4.538] \quad [0.494] \quad [-0.006] \quad [-2.091]^* \quad [2.696]^*$$

$$R^2 = 0.9563 \quad \text{Adjusted } R^2 = 0.946 \quad \text{DW} = 1.075$$

Note: () Standard Error

[] Nilai statistik-t

Hasil keputusan regresi mudah menunjukkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mempunyai hubungan positif dengan pembolehubah eksport dan rizab negara manakala mempunyai hubungan negatif dengan import dan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI). Keputusan regresi mudah menunjukkan nilai R^2 yang diperoleh $R^2 = 0.9563$ di mana sebanyak 95.63% pembolehubah tidak bersandar dapat menerangkan pembolehubah bersandar iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Daripada keputusan kajian, pengkaji mendapati hanya pembolehubah KLCI dan rizab Negara adalah signifikan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Nilai statistic $F = 93.054$ dengan nilai $\rho = 0.000$, ini menunjukkan sekurang-kurang satu pembolehubah mempunyai kesan signifikan terhadap KDNK.

Keputusan regresi menunjukkan wujud tren dalam pembolehubah KLCI dan rizab Negara sahaja, manakala pembolehubah-pembolehubah lain tidak wujud tren di dalam pembolehubah lain. Seterusnya ujian kepegunan harus dijalankan untuk mengenalpasti sama ada setiap set data siri masa mempunyai kebarangkalian bersama yang sama ciri sepanjang masa, iaitu min, varians dan kovariansnya adalah malar sepanjang masa.

4.3 ANALISIS KEPUTUSAN UJIAN PUNCA UNIT

Ujian punca unit merupakan kaedah yang popular dikalangan ahli ekonomi dalam menguji kepegunan data siri masa. Dalam bahagian ini, Ujian Dickey-Fuller (ADF) dengan AR(p) akan dijalankan untuk menguji kepegunan data siri masa yang digunakan. Tren dan intersep dimasukkan dalam persamaan Ujian Unit Root dan lat masa dipilih dengan criteria Info Akaike (AIC).

Data siri masa dianggap pegun sekiranya nilai Durbin Watson adalah lebih kecil daripada R^2 . Hipotesis Nul dalam ujian statistic ADF mengandaikan bahawa siri masa mempunyai unit root iaitu tidak pegun. Jika nilai statistik t yang dianggap melebihi nilai genting t maka hipotesis gagal ditolak dan tidak dapat membuktikan bahawa data siri masa tersebut dalam keadaan pegun. Sebaliknya, jika nilai statistik t kurang daripada nilai genting t maka hipotesis nul ditolak dan ini menunjukkan data siri masa tersebut adalah pegun. Nilai kritikal daripada jadual MacKinnon, 1996 digunakan dalam ujian ini untuk membuat perbandingan dengan nilai statistik pembolehubah yang dikaji.

Jadual 4.1 Keputusan Ujian Punca Unit

	Ujian ADF		Philips perron	
	Paras	pembezaan pertama	paras	pembezaan pertama
KDNK	-2.15(0)	-2.83(5)*	-2.17[1]	-4.64[2]*
EKS	-1.48(0)	-1.52(8)*	-1.46[2]	-4.42[4]*
IMP	-4.37(8)	-0.85(7)*	-2.03[1]	-4.53[1]*
KLCI	-2.60(8)	-0.88(6)*	-2.25[3]	-4.89[3]*
RZB	-1.55(7)	-1.30(8)*	-2.67[1]	-4.74[5]*

Nota: (*) dan (**) signifikan pada aras keertian 1% and 5%.

Keputusan ujian punca unit menunjukkan kesemua pembolehubah adalah tidak pegun pada peringkat paras dalam ujian ADF atau Philips perron. Oleh yang demikian pembolehubah ini harus diuji pada peringkat seterusnya iaitu ujian pembezaan pertama. Hasil keputusan ujian punca unit ditunjukkan dalam jadual 4.1 menunjukkan semua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 5% atau 1%. Dalam membuat ujian kepegunan bagi KDNK, didapati bahawa ia signifikan pada aras keertian 5 peratus bagi kedua-dua ujian. Bagi pembolehubah yang lain iaitu eksport, import, KLCI dan rizab Negara, keputusan yang diperoleh pada kedua-dua ujian menunjukkan signifikan pada aras keertian 5 peratus di mana ia pegun pada satu aras keertian yang sama.

4.4 UJIAN KOINTEGRASI

Ujian Kointegrasi Johansen ini secara amnya digunakan bagi mengkaji perhubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas bagi suatu model regresi berbentuk siri masa. Kointegrasi merujuk kepada kombinasi linear bagi pembolehubah yang tidak pegun.

Pendekatan Model Pmbetulan Ralat atau dikenali sebagai '*Vector Error Correlation Model*' (VECM) tidak digunakan dalam kajian ini atas batasan objektif kajian ini yang ingin meninjau keberkesanan pembolehubah bebas dalam menentukan prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Persamaan bentuk matriks di bawah memaparkan dengan lebih lanjut konsep perhubungan jangka pendek serta panjang yang mamp diolah jikalau menggunakan pendekatan VECM

Pengukuran kointegrasi dalam kajian ini melibatkan dua bentuk ujian, iaitu Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak (Trace). Ujian formal bagi bilangan pembolehubah yang berkointegrasi antara satu sama lain adalah berdasarkan kepada Nilai Maksimum Eigen (Maximum Eigen Value) dan ia merupakan Ujian Likelihood Ratio (LR). Manakala, Ujian Jejak (Trace) pula berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC) dalam menentukan bilangan lag (lag) dalam penganggaran model kajian.

Jadual 4.2 Hasil Keputusan Ujian Kointegrasi Pembolehubah Berbilang Johansen Ujian Statistik Trace dan Ujian Statistik Max-eigenvalue

Null Hypohotesis	Maximum Eigenvalue	[k=1,r=0]	Critical Value (5%)	Critical Value (1%)
r=0*	0.893	95.160	68.52	76.07
r≤1*	0.615	50.399	47.21	54.46
r≤2*	0.539	31.327	29.68	35.65
r≤3*	0.430	15.842	15.41	20.04
r≤4*	0.206	4.606	3.76	6.65

Null Hypohotesis	Maximum Eigenvalue	[k=1,r=0]	Critical Value (5%)	Critical Value (1%)
r=0**	0.893	44.761	33.46	38.77
r≤1	0.615	19.073	27.07	32.24
r≤2	0.539	15.486	20.97	25.52
r≤3	0.430	11.236	14.07	18.63
r≤4 *	0.206	4.606	3.76	6.65

* Hipotesis Nol ditolak pada aras keertian 1%

** Hipotesis Nol ditolak pada aras keertian 5%

Berdasarkan hasil keputusan Ujian Kointegrasi Berbilang Pembolehubah Johansen, ujian statistik Trace menunjukkan wujud empat hubungan kointegrasi persamaan pada aras keertian 1% manakala ujian Max-eigenvalue menunjukkan dua persamaan kointegrasi pada aras keertian 5% dan 1%. Keputusan ujian kointegrasi pembolehubah berbilang ini secara keseluruhannya menunjukkan terdapat hubungan jangka panjang berkointegrasi antara pembolehubah KDNK dan pembolehubah makroekonomi lain.

4.5 ANALISIS KEPUTUSAN ECM

4.5.1 ECM Jangka Panjang

Berdasarkan jadual 4.4.1 menunjukkan hubungan jangka panjang antara pembolehubah-pembolehubah melalui analisis keputusan ECM jangka panjang.

Jadual 4.3 : ECM Jangka Panjang

Cointegrating Eq:	CointEq1
LNKDNK(-1)	1.000000
LNEKS(-1)	9.589324 (1.39729) [-6.86279]
LNIMP(-1)	-10.87638 (1.32591) [8.20293]
LNKLCI(-1)	3.204217 (0.52335) [-6.12249]
LNRZB(-1)	0.241196 (0.41419) [-0.58234]
C	2.600583

() Standard errors

[] t-statistik

Keputusan yang diperoleh perlu ditukar simbol negatif dan positif yang mana nilai positif akan ditukarkan kepada negatif dan sebaliknya. Daripada hasil keputusan dapat diterbitkan satu persamaan seperti di bawah:-

$$KDNK = 2.60 + 9.589EKS_{t-1} - 10.876IMP_{t-1} + 3.204KLCI_{t-1} + 0.241RZB_{t-1}$$

Persamaan di atas, mengukur hubungan bagi tempoh jangka panjang di mana wujud dua hubungan yang positif dan negatif antara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan eksport, KLCI dan rizab Negara. Peningkatan dalam pembolehubah-pembolehubah ini akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam KDNK. Manakala pembolehubah yang menunjukkan hubungan negatif dengan KDNK adalah import di mana peningkatan dalam import akan menyebabkan berlaku penurunan dalam KDNK dan sebaliknya.

4.5.2 ECM Jangka Pendek

Bagi melihat hubungan dalam jangka masa pendek, analisis ECM bagi jangka pendek dilaksanakan. Analisa ECM bagi jangka pendek dilakukan dengan setiap pembolehubah menjadi pembolehubah endogen dan nilai-nilai lepas pembolehubah-pembolehubah menjadi pembolehubah penerang. Dapatan analisis boleh diringkaskan sebagaimana persamaan-persamaan berikut yang menunjukkan persamaan linear yang dihasilkan setelah analisis regresi vektor berbilang pembolehubah dilakukan.

- i. $\Delta KDNK = 0.148 - 0.0389ECT - 0.097\Delta KDNK_{t-1} - 0.6316 \Delta EKS_{t-1} + 0.4684 \Delta IMP_{t-1} - 0.2886 \Delta IMP_{t-1} + 0.0763 \Delta RZB_{t-1}$
- ii. $\Delta EKS = 0.1447 - 0.0482ECT - 0.1097 \Delta KDNK_{t-1} - 0.2137 \Delta EKS_{t-1} + 0.1182 \Delta IMP_{t-1} - 0.1622 \Delta KLCI_{t-1} + 0.1506 \Delta RZB_{t-1}$
- iii. $\Delta IMP = 0.1369 - 0.1132ECT + 0.0149\Delta KDNK_{t-1} - 0.5678\Delta EKS_{t-1} + 0.4481\Delta IMP_{t-1} - 0.1684\Delta KLCI_{t-1} + 0.1934\Delta RZB_{t-1}$

$$\text{iv. } \Delta\text{KLCI} = -0.1181 - 0.1069\text{ECT} + 0.0641\Delta\text{KDNK}_{t-1} + 2.1117\Delta\text{EKS}_{t-1} - 0.739\Delta\text{IMP}_{t-1} + 0.1259\Delta\text{KLCI}_{t-1} - 0.0216\Delta\text{RZB}_{t-1}$$

$$\text{v. } \Delta\text{RZB} = 0.1211 + 0.1770\text{ECT} - 0.2816\Delta\text{KDNK}_{t-1} + 0.6155\Delta\text{EKS}_{t-1} - 0.3712\Delta\text{IMP}_{t-1} + 0.2374\Delta\text{KLCI}_{t-1} + 0.0013\Delta\text{RZB}_{t-1}$$

Berdasarkan persamaan yang telah dibentuk di atas hasil analisis ECM bagi jangka pendek menunjukkan pembolehubah-pembolehubah bebas tidak mampu mempengaruhi KDNK disebabkan tidak wujud hubungan yang signifikan antara pembolehubah-pembolehubah. Walaubagaimanapun nilai ect yang diperoleh menunjukkan analisis pembetulan ralat apabila nilai ect adalah negatif. Ini ditunjukkan oleh KDNK di mana berlaku penyelarasan sebanyak 3.8 peratus dalam pembetulan ralat di mana pola perkembangan KDNK yang secara tidak langsung mempengaruhi hubungan integrasi pembolehubah kajian.

4.6 UJIAN KESTABILAN MODEL

Jadual 4.4 : Kestabilan Model Kajian

	Ujian	Nilai F	Hipotesis
a)	Normaliti (Jarque-Bera)	83.16 (0.00)	Ditolak
b)	Korelasi bagi (BG Test)	0.068 (0.93)	Diterima
c)	ARCH	0.133 (0.71)	Diterima

Bagi mengkaji kestabilan model, ujian kestabilan model telah dijalankan melaksanakan. Ujian (a) menunjukkan ujian normality (jarque-Bera) dijalankan bagi melihat taburan data. Keputusan ujian menunjukkan taburan data adalah tidak normal. Permasalahan ini tidak perlu diatasi kerana data siri masa kerap mengalami masalah kitaran dan kejutan ekonomi.


Ujian seterusnya adalah ujian korelasi bagi B Godfuey iaitu untuk melihat sama ada wujud masalah korelasi atau tidak. Hasil kajian menunjukkan terdapat masalah korelasi bersiri. Bagi mengatasi masalah ini, pembolehubah perlu dikurangkan atau jumlah data perlu ditambah.

Disamping itu juga ujian yang terakhir dijalankan bagi melihat sama ada wujud masalah hetrokedastisiti adalah ujian ARCH. Hasil kajian menunjukkan terdapat masalah hetrokedastisiti. Oleh yang demikian beberapa langkah perlu diambil bagi mengatasi masalah ini di mana pembolehubah bebas perlu dikurangkan kerana ada hetero serta linearity. Contohnya hubungan eksport dan import yang menunjukkan linearity dan data yang sepatutnya diambil adalah imbalan dagangan.


4.7 UJIAN RECURQIRE

Rajah 4 : Cusum dan Cusum Square

4.7.1 CUSUM



4.7.2 CUSUM Square



Berdasarkan kepada ujian CUSUM menunjukkan parameter adalah stabil apabila garis CUSUM tidak terkeluar daripada garis rintangan. Apabila CUSUM dikuasa dua, iaitu CUSUM Square menunjukkan parameter adalah tidak stabil apabila garis CUSUM Square terkeluar daripada garis rintangan.

4.8 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati keputusan daripada ujian-ujian yang dijalankan adalah menepati objektif kajian iaitu untuk melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara pertumbuhan ekonomi iaitu KDNK dengan pembolehubah-pembolehubah ekonomi dan menganalisis antara satu pembolehubah dengan pembolehubah lain. Hasil keputusan ujian kointegrasi menunjukkan wujud sekurang-kurangnya empat hubungan kointegrasi di antara pembolehubah dalam jangka panjang. Dengan merujuk kepada hasil keputusan analisis ECM, pengkaji mendapati semua pembolehubah mempunyai pengaruh yang kuat terhadap variasi bagi KDNK. Seterusnya, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dalam merangka dasar atau polisi yang akan membantu dalam pertumbuhan ekonomi Negara.

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab yang terakhir ini, penemuan dan cadangan bagi penyelidikan yang telah dilaksanakan akan dihuraikan secara menyeluruh. Dalam kajian ini memberi gambaran bahawa indicator-indikator seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), indeks komposit Kuala Lumpur (KLCI), dagangan antarabangsa, dan rizab Negara kepada pertumbuhan ekonomi Negara sama ada ia mampu meningkatkan ekonomi Negara ataupun tidak. Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh para pengkaji lepas. Namun begitu, persoalan yang perlu dirungkaikan dalam kajian ini adalah sama ada wujud interaksi antara indikator-indikator ini dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara dan benar-benar memberi pengaruh atau implikasi kepada Negara. Umumnya, indikator-indikator ini menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Negara dan menentukan keadaan ekonomi sesebuah Negara.

5.2 Rumusan Hasil Kajian

Kajian yang dilakukan telah menganalisis beberapa pembolehubah yang menjadi petunjuk kepada penentu pertumbuhan ekonomi Negara. Ini berikutan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merupakan indikator utama dalam penentu pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara. Keadaan ini penting kerana ianya ingin melihat sama ada indikator-indikator ini penting dalam membantu meningkatkan pendapatan Negara seterusnya membantu dalam pertumbuhan ekonomi Negara. Justeru itu, pihak kerajaan berperanan dalam memastikan indikator-indikator ini terus meningkat dan stabil bagi menjamin pertumbuhan ekonomi Negara.

Berdasarkan kepada keputusan hasil kajian menunjukkan semua pembolehubah adalah berhubungan positif dengan KDNK kecuali import di mana KDNK merupakan petunjuk kepada pertumbuhan ekonomi bagi Negara. Peningkatan turun naik dalam KLCI juga telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan KLCI berhubungan positif dengan KDNK dalam jangka panjang di mana peningkatan satu mata dalam KLCI menyebabkan KDNK meningkat sebanyak 3.204 dalam tempoh jangka masa panjang.

Selain itu juga, melalui dapatan kajian ini juga dapat melihat kesan peningkatan jumlah dagangan antarabangsa yang kukuh kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara, dagangan antarabangsa juga perlu ditingkatkan dan pada masa yang sama kita perlu meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negeri supaya dapat menyumbang lebih banyak kepada peningkatan KDNK. Pertumbuhan ekonomi juga disokong oleh sumbangan yang lebih besar daripada permintaan luaran berikutan pertumbuhan eksport yang lebih teguh. Berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan eksport merupakan sumbangan yang terbesar dalam peningkatan ekonomi Negara dalam jangka panjang di mana peningkatan satu peratus dalam eksport menyebabkan peningkatan sebanyak 9.589 dalam KDNK Negara. Peningkatan eksport yang lebih tinggi berbanding import menyebabkan lebihan dagangan adalah positif dan menunjukkan peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi Negara.

Seterusnya, melalui kajian ini juga dapat melihat kesan peningkatan rizab antarabangsa Negara terhadap pertumbuhan ekonomi Negara. Bank Negara bertanggungjawab menguruskan rizab pertukaran asing Negara bagi memastikan Malaysia mampu memenuhi tanggungjawab antarabangsanya, mengurangkan kesan perubahan sementara terhadap aliran masuk dan keluar dalam imbalan pembayaran Malaysia dan menggalakkan asas kadar pertukaran ringgit yang kukuh dan stabil. Daripada dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan dalam tempoh jangka masa panjang, rizab negara menunjukkan hubungan yang positif dengan KDNK Negara dan ini menunjukkan rizab Negara mambantu dalam peningkatan pertumbuhan ekonomi Negara.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara indikator-indikator dengan pertumbuhan ekonomi dan terdapat persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Izani Ibrahim (2002) iaitu kesan eksport ke atas pertumbuhan ekonomi adalah signifikan secara positif dan sektor eksport didapati mempunyai kesan luaran positif ke atas sektor bukan eksport.

Selain itu juga terdapat persamaan dengan dapatan kajian lepas oleh Yao shujie dan wei, Kailei (2007) yang mana pelaburan langsung asing (FDI) merupakan penggerak utama dalam pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai kemajuan Negara.

5.3 Cadangan dan Implikasi Dasar

Pertumbuhan ekonomi Negara kita pada hari menunjukkan peningkatan yang perlahan kesan oleh kemelesetan ekonomi dunia terutamanya krisis kewangan di Amerika Syarikat. Pertumbuhan ekonomi yang stabil penting bagi memastikan kedudukan ekonomi Negara yang kukuh, berdaya tahan dan mencapai kemajuan. Pelbagai langkah telah diambil bagi memastikan ekonomi Negara tidak mengalami kemelesetan kesan oleh kemelesetan ekonomi dunia terutamanya krisis kewangan Amerika Syarikat.

Malaysia tidak terkecuali dalam merasa tempas kemelesetan ekonomi dunia yang amat teruk. Pihak bertanggungjawab berusaha sedaya upaya mengatasi masalah ini agar ekonomi Malaysia tidak mengalami kemelesetan. Pelbagai rancangan dan dasar yang digubal dan dilaksanakan bagi memastikan ekonomi Malaysia berada ditahap dan kedudukan yang baik. Contohnya bajet mini yang telah diperuntukkan dengan anggaran peruntukan antara RM10 bilion hingga RM20 bilion itu juga dijangka menumpukan langkah meminimumkan pemberhentian pekerja khususnya dalam sektor perkilangan, menerusi penyediaan insentif mengurangkan kos melaksanakan perniagaan di kalangan majikan terbabit. Inisiatif itu termasuk melaksanakan projek bersaiz kecil, tetapi mampu memberi impak yang besar dalam jangka pendek, selain memastikan rakyat memiliki pekerjaan.

Persekutuan Majikan Malaysia sendiri mahukan kerajaan mengurangkan tarif elektrik, mengurangkan sumbangan majikan ke dalam akaun KWSP dari 12 peratus kepada 10 peratus, menghentikan sumbangan kepada Dana Pembangunan Sumber Manusia dan mengurangkan cukai korporat kepada 20 peratus. Pihak kerajaan tidak memberi tumpuan terhadap pemberian insentif pemotongan cukai memandangkan pendekatan ini tidak sesuai diperkenalkan ketika pendapatan dijangka terjejas akibat krisis ekonomi, sebaliknya menyalurkan perbelanjaan terus kepada sasaran.

Bagi mengatasi kegawatan ekonomi, Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk memperteguhkan asas ekonomi dan menstabilkan pasaran kewangan dengan cara mengukuhkan imbalan pembayaran, meningkatkan daya saing eksport, mengurangkan import dan menggalakkan penggunaan barangan keluaran tempatan. Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan tabung-tabung baru bagi menyelamatkan usahawan-usahawan bumiputra yang menghadapi masalah kewangan memandangkan tabung-tabung yang sedia ada mampu untuk menyediakan sumber pembiayaan yang mencukupi.

Justeru itu, bagi memastikan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji ini kekal stabil dalam membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, pelbagai langkah perlu diambil bagi memastikan ekonomi berada dalam keadaan stabil. Beberapa bentuk cadangan yang mampu diutarakan adalah:-

- a) Menggalakkan rakyat untuk menceburi bidang usahawan terutamanya dalam bidang pertanian di mana ia dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan makanan. Dengan wujudnya ramai usahawan terutamanya usahawan bumiputera, ia akan dapat meningkatkan jumlah eksport dan seterusnya dapat meningkatkan jumlah lebih dagangan.
- b) Pihak kerajaan perlu memberi bantuan seperti subsidi, pinjaman dan kemudahan-kemudahan lain kepada golongan-golongan petani, penternak dan usahawan Industri Kecil dan sederhana (IKS) bagi membantu mereka meningkatkan hasil pengeluaran bagi menampung jumlah permintaan yang meningkat terutamanya permintaan terhadap sumber makanan sekaligus dapat mengurangkan import makanan dari luar Negara.
- c) Galakan oleh kerajaan terhadap usahawan tempatan bagi meningkatkan lagi prestasi syarikat-syarikat tempatan sehingga dapat bersaing dengan pelabur-pelabur asing melalui pemberian subsidi, latihan dan kemudahan-kemudahan lain. Dengan wujudnya banyak syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi tinggi dan boleh tersenarai Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) akan menjadi penanda aras prestasi untuk pasaran ekuiti rakyat Malaysia seterusnya membantu dalam pertumbuhan ekonomi Negara.

Selain itu juga, Kerajaan juga telah mengamalkan bajet mengembang (expansionary) dan bukannya menguncup demi untuk memasukkan duit ke dalam poket rakyat. Walaupun terpaksa berbelanja melebihi pendapatan dan menaikkan defisit kepada 4.8 peratus, kerajaan melakukannya kerana ia terbaik untuk negara dan rakyat. Menteri Kewangan Kedua telahpun menyatakan 1-2 tahun defisit tinggi tidak menjadi masalah kepada negara. Pada krisis 1997, defisit kerajaan telah mencapai 5.5 peratus.

5.4 Kesimpulan

Daripada hasil kajian menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), dagangan antarabangsa dan rizab Negara adalah penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah Negara. Langkah kerajaan dalam mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dunia sekaligus memastikan pembolehubah-pembolehubah ini terus stabil dalam membantu mencapai ekonomi Negara yang kukuh.

RUJUKAN

- Shujie, Y and Kailei Wei (2007) Economic Growth in the Presence of FDI : The perspective of Newly Industrialising Economies. *Journal of Comparative Economics* 35, pp. 211-234
- Hyeon-seung.H (2002) GDP Growth and The Composite Leading Index : A Nonlinear Causality Analysis For Eleven Countries. *Economics Letter* 77, pp.93-99
- Eller, M., P. Haiss and K. Steiner (2006) Foreign Direct Investment in the Financial Sector and Economic Growth in Central and Eastern Europe:The Crucial Role of the Efficiency Channel. *Emerging Markets Review* 7, pp.300-319
- Chandana, C. and P. Nunnenkamp (2008) Economic Reforms, FDI, and Economic Growth in India: A Sector Level Analysis. *World Development* Vol.36, No.7, pp. 1192-1212
- Rizaudin, S., Abu, S. and Abdul, R.A (2000) Laluan Pengembangan Pelaburan di Malaysia 1970-1998. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 34, pp. 77-92
- Dierk, H., S. Klasen and F. Nowak-Lehmann D (2008) In search of FDI-led growth in developing countries: The way forward. *Economic Modelling* 35, pp. 793-810
- Beugelsdijk, S., Roger, S. and Zwinkles.R (2008) The Impact of Horizontal and Vertical FDI on Host's Country Economic Growth. *International Business Review* 17, pp. 452-472
- Smirlock, M. and S. Laura (1988) An Empirical Analysis Of The Stock Price-volume Relationship. *Journal of Banking and Finance* 12, pp. 31-41
- William, V. (1996) An Evaluation of the Leading Indicators For The Canadian Economy Using Time Series Analysis. *International Journal of Forecasting* 12, pp. 403-416
- Izani, I. (2002) On Exports And Economic Growth. *Jurnal Pengurusan* Vol.21, pp. 3-18
- Paresh, K.N. and S. Russel (2004) Temporal Causality and the Dynamics of Exports, Human Capital and Real Income in China. *Narayan and Smyth, International Journal of Applied Economics*, pp. 24-45

William, G.Z. 2003. Business Research Method. 7th. Oklahoma State University, South-Western. 748 p.

Kamus Dwibahasa. (1996). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, (2001-2010). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). 1996. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.

Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005). 2001. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). 1996. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.

<http://www.epu.gov.my>

<http://www.bnm.gov.my>

<http://www.klse.com.my/website/bm/>

<http://www.statistics.gov.my/bm/>

